

21/11/1998

Perlindungan harta intelek akan diwujudkan

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan akan mewujudkan perlindungan hak harta intelek bagi mengelak rompakan reka bentuk yang ketika ini mencetuskan kebimbangan di kalangan pengilang perabot pintar negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perlindungan itu perlu bagi melindungi pengilang pintar yang mempunyai ciptaan sendiri tetapi ketika ini enggan mempamerkan produk di Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia (MFDC) kerana khuatir pengilang lain akan meniru reka bentuk mereka.

"Adalah diharapkan, dengan adanya proses pendaftaran yang cekap, ia akan meyakinkan pengimport dan peniaga perabot asing untuk menempah kontrak OEM (pembuat peralatan asal) dengan pengilang tempatan tanpa bimbang reka bentuk mereka ditiru.

"Isu rompakan reka bentuk ini adalah punca utama kebimbangan pengimport terutama dari Jepun kerana mereka banyak membuat pelaburan wang dan masa untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam aspek reka bentuk perabot," katanya.

Perdana Menteri berucap pada majlis perasmian MFDC di sini, hari ini. Turut hadir ialah Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Pendapatan daripada eksport perabot di negara ini mencatat peningkatan 10 kali ganda dalam tempoh tujuh tahun iaitu RM2.6 bilion tahun lalu, berbanding hanya RM269.5 juta pada 1990.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, industri perabot mencatat perolehan eksport sebanyak RM1.97 bilion.

Dr Mahathir meminta lebih banyak pengeluaran perabot tempatan beralih daripada kaedah OEM kepada pengeluaran mengikut pengilangan reka bentuk asas secara agresif, dengan mengamalkan strategi seperti mencipta reka bentuk dan jenama tersendiri.

Menurutnya, tindakan itu bukan sahaja akan menjamin kewujudan industri perabot Malaysia yang tulen, tetapi pembangunannya juga memberi faedah dari segi kegiatan sampingan lebih meluas kepada penduduk tempatan.

"Sudah tiba masanya industri perabot mengamal dan menggunakan strategi berasaskan nilai serta beralih daripada strategi berasaskan jumlah, melalui reka bentuk asal dan jenama sendiri," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, pengilang tempatan perlu memberi tumpuan kepada pengeluaran produk bermutu tinggi dan konsisten serta mempunyai fungsi dan reka bentuk menarik.

Menurutnya, dalam tempoh lima tahun ini, industri perabot tempatan telah diiktiraf sebagai pengeluar dan pengeksport perabot yang berkualiti dan bertaraf dunia.

Bagaimanapun, katanya, pengeluar tempatan tidak boleh cepat berpuas hati berikutan persaingan semakin meningkat berikutan proses globalisasi dan liberalisasi perdagangan di peringkat Asean dan antarabangsa.

Beliau turut menegur kebanyakan pengeluar perabot negara ini yang masih bergantung kepada reka bentuk sedia ada di pasaran dan juga cita rasa pembeli, serta mengikut kaedah OEM.

"Keadaan ini menyebabkan penekanan harga berterusan di mana pengilang kos rendah dari negara serantau muncul dengan barangan berharga rendah serta kompetitif.

"Sebagai pengilang yang beroperasi mengikut kaedah itu, mereka akan berpandukan kepada reka bentuk yang disediakan pembeli dari negara asing dan harganya ditetapkan oleh mereka," katanya.

(END)

